

KITAB JAWI DAN PENGILMUAN MASYARAKAT MELAYU

Mohd Puaad Bin Abdul Malik³

Universiti Malaya

puaadmalik@siswa.um.edu.my

Rahimin Affandi Bin Abd. Rahim⁴

Universiti Malaya

faqir_ila_rabbih@um.edu.my

Ahmad Farid Abd Jalal⁵

Muzium Negeri Pahang, Pahang Darul Makmur

Huzaimah Hj Ismail⁶

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Selangor

ABSTRAK

Pada dasarnya, artikel ini bakal menumpukan perhatian terhadap subjek kitab jawi dan pengilmuan masyarakat Melayu pasca kedatangan Islam ke alam Melayu. Kitab jawi adalah karya intelektual Melayu yang dihasilkan oleh sarjana Melayu-Islam dalam pelbagai bidang disiplin ilmu keislaman sama ada secara teoritikal, praktikal, rationalistik dan sosial. Ia memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu sama ada sebagai alat komunikasi mahupun médium pengembangan ilmu. Premis artikel ini untuk membuktikan peranan Islam dan kitab jawi mengilmukan masyarakat Melayu yang belum pernah dimiliki sebelumnya. Antaranya Islamisasi dan kitab tulisan jawi, Islamisasi dan pandangan hidup (*world view*) tauhid dan Islamisasi dan paradigma ilmu. Kaedah analisis yang digunakan ialah kaedah pensejarahan atau *historicisme* yang meneliti perkembangan sesuatu idea. Fakta yang diperolehi akan ditapis dengan teliti dengan menggunakan pendekatan induksi sejarah alam Melayu. Dapatan kajian menunjukkan kitab jawi mempunyai identiti dan keunggulan yang tersendiri serta mampu berperanan sebagai alat pengembangan ilmu di rantau alam Melayu.

Kata Kunci: Kitab Jawi, Alam Melayu, Masyarakat Melayu

³ Calon Phd, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

⁴ Pensyarah kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

⁵ Pengarah Muzium, Muzium Negeri Pahang, Pahang Darul Makmur.

⁶ Timb. Dekan Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik, UiTM, Shah. Alam, Selangor.

JAWI LITERATURES AND THE SCIENTIFICATION OF THE MALAY WORLD

ABSTRACT

In essence, this article will focus on the subject of Jawi scriptures and the Malay community's knowledge of post-Islam arrival to the Malay World. Jawi scriptures are Malay intellectual works produced by the Malay-Muslim scholars in various disciplines of Islamic sciences whether theoretically, practically, rationalistically, or socially. It plays an important role in the Malay community either as a communication tool or a medium of knowledge development. The premise of this article is to prove the role of Islam and the Jawi scriptures of the Malay community that has never been before. Among them are Islamization and scriptures of Jawi texts, Islamization and view of life (world view) monotheism and Islamization and paradigm of science. The method of analysis used is the method of historiography or historicism that examines the development of an idea. Facts obtained will be thoroughly screened using the Malay induction history approach. Studies show that Jawi scriptures have their own distinctive identity and excellence and are able to serve as a tool of knowledge development in the Malay world.

Keywords: *Kitab Jawi (Jawi Literatures), Malay World, Malay Society*

PENGENALAN

Ilmu sangat penting untuk kehidupan, bukan sekadar untuk memahami erti dan maklumat hidup bahkan menjadi penjana aktiviti penjana aktiviti kehidupan ke arah yang lebih baik. Manusia insan digelar *Homo Sapien* (memerlukan sistem komunikasi untuk hidup)(Muhammad Kamal Hasan, 2001, h. 1) untuk itu manusia perlukan alat atau mekanisme untuk membolehkan proses ilmu dan komunikasi dapat dijalankan. Allah menyediakan manusia dengan modal akal, fitrah dan iradah untuk proses mendapatkan ilmu. Dalam al-quran menyebutkan, modal akal dan iradah inilah yang menjadikan manusia sebagai makhluk paling mulia sehingga malaikat dikehendaki sujud kepada Nabi Adam. Menurut Syed Naquib al-Attas (1969, h. 20-30) tidak ada peristiwa yang paling penting dalam sejarah alam Melayu melebihi peristiwa kedatangan Islam. Islamisasi melengkapkan manusia Melayu menjadi insan berilmu dan berjati diri. Justeru, premis artikel ini cuba untuk membuktikan peranan Islam yang mengilmukan masyarakat Melayu yang belum pernah dimiliki sebelumnya.

MASYARAKAT MELAYU SEBELUM ISLAM

Perbincangan mengenai sejarah kedatangan Islam ke alam Melayu bukanlah satu kajian baru. Banyak kajian yang telah di bahaskan oleh sarjana tempatan mahupun Barat. Penulis akan melakarkan secara ringkas dan sepintas lalu agar

sejarah kedatangan Islam ke rantau alam Melayu mempunyai kesinambungan terhadap pembudayaan intelektual yang tinggi (Zainal Kling, 1997, h. 52) hingga budaya ilmu yang dibawa oleh Islam membentuk konsep pemikiran intelektual Melayu sehingga sesuatu perkara yang tidak diketahui sebelumnya telah diketahui dengan sebab wujudnya persekitaran tamadun ilmu dalam masyarakat Melayu. Islam mendorong kesuburan intelektual sehingga masyarakat Melayu menghargai ilmu dan peranan para ulama dan sarjana-sarjana Melayu khususnya dalam penulisan telah meningkatkan kedudukan peradaban di alam Melayu (Wan Abdul Kadir, 2006, h. 16).

Sebelum kedatangan agama Hindu-Buddha, masyarakat Melayu dikatakan mempunyai sistem kepercayaan primitif, iaitu animisme dan dinamisme (Mahayudin Haji Yahaya, 2001, h.107). Sekalipun amalan dan pegangan *world view* (Muhammad Abu Bakar, 1993, h. 307-309) Hindu-Buddha ini dikatakan memberi pengaruh yang cukup besar di alam Melayu. Namun ia tidak berjaya sama sekali mempergaruhi keseluruhan pemikiran serta pegangan masyarakat Melayu. Dengan semangat toleransi masyarakat Melayu pribumi, tasawur Hindu-Buddha itu tidak ditolak secara total, tetapi disesuaikan dengan tasawur primitif mereka (Mohd Shukri Hanafi, 2016, h. 1-15). Kedatangan Islam ke alam Melayu telah membuka satu lembaran sejarah baharu bagi zaman peradaban dan bertamadun (Muhammad Zaki Badawi, 1962, h. 37). Pengaruh Islam ini memperlihatkan keunggulan ajaran Islam yang membawa pengaruh yang besar kepada masyarakat alam Melayu. Semenjak kedatangan Islam banyak pengaruh Islam yang dapat dikesan didalam budaya dan cara hidup masyarakat Melayu. Ini adalah kerana perkembangan Islam di alam Melayu amat berkait rapat dengan perkembangan Islam di Timur Tengah.

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, Islam mempunyai pengaruh yang amat besar di alam Melayu sehingga berjaya mencabut akar umbi pengaruh Hindu-Buddha. Kedatangan Islam bukan sahaja menandakan kedatangan zaman baharu, bahkan permulaan era baru di rantau ini. Hal ini dapat dilihat tamadun yang dibawa oleh Islam berasaskan kepada rasionalisme dan kebebasan cara berfikir berbanding dengan zaman sebelumnya yang tidak berasaskan kepada rasionalisme dan akal fikiran sehingga masyarakat dibelenggu dengan kepercayaan yang salah (Syed Muhammad Naquib, 1972, h. 3-4). Ini kerana hampir 800 tahun pengaruh Hindu-Buddha mempengaruhi minda orang Melayu dan dalam jangka masa itu, kerangka berfikir orang Melayu dibelenggu oleh corak berfikir yang bersifat khayalan dan mitos yang tidak memberi kefahaman akan pentingnya aspek-aspek rasionalisme dan intelektualisme (Idris Zakaria, 2012, h. 92) dengan membawa kepada satu peringkat zaman baru yang lebih maju dan cemerlang.

Islam adalah unsur penting yang membentuk pola budaya masyarakat Melayu (Idris Zakaria, 2012, h. 92). Kedatangan Islam ke alam Melayu menyebabkan berlakunya transformasi besar-besaran yang melibatkan perubahan falsafah hidup, pemikiran dan jiwa orang-orang Melayu di alam Melayu (Mohd Shukri Hanafi, 2016, h. 5-15). Pembudayaan sesuatu masyarakat boleh terbentuk melalui aktiviti kemasyarakatan yang berperanan menggerakkan masyarakat ke arah kehidupan material yang lebih baik. Begitu juga dengan aspek persekitaran

yang banyak mempengaruhi kehidupan dan pemikiran masyarakat. Atas dasar ini, Islam yang berkembang di alam Melayu melalui pembudayaan ilmu yang tinggi serta membentuk keperibadian, identiti dan anjakan paradigma yang maju ke hadapan (*advance*) berbeza dengan masyarakat Islam yang lain. Islam yang berkembang di alam Melayu melalui pembudayaan ilmu yang tinggi serta membentuk keperibadian, identiti dan anjakan paradigma yang maju ke hadapan (*advance*) berbeza dengan masyarakat Islam yang lain.

PENERAPAN BUDAYA ILMU DI DALAM MASYARAKAT MELAYU

Jika dirujuk secara khusus kepada penerapan budaya ilmu dalam masyarakat Melayu, mubaligh awal memahami agama Islam menekankan kepada usaha penerapan budaya ilmu ke dalam masyarakat sebagai matlamat tertinggi kehidupan manusia. Antara bentuk budaya ilmu yang ditekankan dalam al-Quran merangkumi beberapa perkara:-

- a. Sebarang usaha keilmuan perlu berasaskan kepada sumber yang mutlak, al-Quran dan Sunnah (al-Quran 4 : 59).
- b. Sebarang usaha membabitkan pembudayaan ilmu mesti berasaskan kepada iman, akhlak dan Tauhid (al-Quran 2 : 30).
- c. Penghargaan yang tinggi diberikan kepada golongan ilmunan dan golongan yang terlibat dalam kegiatan ilmu (al-Quran 96 : 1-5).
- d. Ilmu sebagai asas utama untuk kesempurnaan iman dan sesuatu ibadat kepada Allah (al-Quran 27 : 23 dan 28).

Dalam sejarah alam Melayu, kita boleh mengesan dengan jelas penerapan budaya ilmu ini yang diusahakan oleh mubaligh awal di dalam usaha mereka untuk mengukuhkan budaya Melayu-Islam yang diterapkan melalui institusi pendidikan Islam. Apa yang jelasnya, di dalam usaha Mubaligh awal untuk menyebarkan dan menghadapi masyarakat yang masih baru menerima Islam (Naquib al-Attas, 1969, h. 20-30) mereka telah memikirkan cara yang terbaik, dengan pemupukan budaya ilmu di dalam masyarakat. Usaha ini telah dilakukan dengan beberapa cara.

Mengasaskan sistem pengajian ilmu-ilmu agama di dalam serangkaian institusi yang cukup berkesan seperti pengajian di istana, masjid, surau dan pondok (Che Omar Awang, 1996, h. 196-220). Pengajian ini bersifat terbuka kepada semua lapisan masyarakat dan bukan terhad kepada golongan atasan semata-mata (Wan Mohd Nor, 1997, h. 108-109). Pendek kata apa yang dikenali pada masa sekarang dengan pendemokrasian pendidikan telah pun diamalkan pada masa ini. Merujuk khusus kepada sistem pengajian pondok, ianya mengandungi pelbagai keistimewaan;

- a. Sistem pengajian yang dibuat secara swasta tanpa kongkongan dan kekangan polisi dari pihak pemerintah. Keadaan ini menyebabkan seseorang ulama itu dapat bertindak secara bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang mempunyai agenda dan kepentingan tertentu (Rahimin Affandi, 1994). Lebih tepat lagi, ulama pondok dalam era tradisi telah bertindak selaku agen perubahan dan intelektual ummah yang bersikap sensitif dan proaktif dengan isu

- semasa yang timbul di dalam masyarakat (Syukri Ahmad, 2000, h. 19-28).
- b. Sistem pengajian yang berorientasikan perkaitan antara teori dan praktikal, yang menekankan pemupukan budaya ilmu bagi menjadikan seseorang pelajar;
- Mendapat sebanyak mungkin ilmu untuk mencapai keredaan Allah.
 - Bertindak mengikut perkiraan ilmunya, menyebarkannya ke dalam masyarakat dan berfungsi sebagai pemimpin masyarakat (Shafie Abu Bakar, 1994, 101-103).
 - Menjadikan matlamat pencarian ilmu bukan untuk tujuan kebendaan (makan gaji) tetapi untuk mencapai keredaan Allah dan nikmat pengetahuan (Shafie Abu Bakar, 1994, 101-103).
 - Menjadikan pelajar sebagai seorang yang mampu berdikari tanpa bergantung kepada orang lain. Untuk tujuan ini, mereka akan dibekalkan dengan segala bentuk keilmuan Islam dan kemahiran hidup yang amat diperlukan (Shafie Abu Bakar, 1994, 101-103).
 - Menekankan persoalan akhlak dan disiplin Islam melebihi segala-galanya (Abdullah Ishak, 1995, h. 202-204).
- c. Sistem pengajian yang bersifat terbuka yang memberi peluang kepada sesiapa sahaja untuk mengikutinya tanpa mengira latar belakang keturunan dan faktor umur (Robert L. Winzeler, 1975, h. 92-99). Apa yang boleh dibanggakan adalah melalui pendekatan ini secara tidak langsung ianya telah pun mengamalkan konsep pendemokrasian pendidikan berasaskan penekanan kepada kepentingan ilmu dalam kehidupan seseorang Islam, ilmu adalah milik bersama dan setiap individu berhak diberi peluang untuk mendapatkan ilmu.

Kekuatan dan dominasi budaya ilmu ini di dunia alam Melayu telah secara utuh dikekalkan dan kepentingannya telah teruji dengan fakta sejarah yang mencatatkan bagaimana apabila sesuatu pusat pengajian agama Islam seperti Pasai, Melaka dan Aceh telah merosot, kemudiannya perkembangan budaya ilmu ini telah diteruskan oleh pusat pengajian yang lain seperti Pattani, Kelantan, Terengganu dan Kedah. Maksudnya, masyarakat Melayu dan ulama tradisi seolah-olah merasa bertanggungjawab untuk terus menghidupkan budaya ini walaupun terpaksa berhadapan dengan rintangan campurtangan kuasa Barat (Abdul Rahman Abdullah, 1999, h. 33-40).

PARADIGMA KITAB JAWI

Sejarah intelektual Islam alam Melayu melalui beberapa proses perkembangan sejarah. Namun kegiatan penulisan jawi mula berkembang pesat setelah kedatangan Islam ke alam Melayu (Ismail Hamid, 1985, h. 34-35). Kitab Jawi adalah mercu tanda pencapaian intelektual ulama Islam alam Melayu abad ke-18. Kitab Jawi dianggap sebagai salah satu sumbangan masyarakat Melayu tradisi

yang berupaya menghasilkan buah fikiran yang dapat digunakan sehingga kini. Gambaran yang terukir melalui penghasilan ini mencerminkan keupayaan masyarakat yang kreatif. Pada dasarnya juga penghasilan manuskrip ini turut mencerminkan budaya hidup masyarakat lampau. Dalam menelusuri situasi ini, perlunya pengenalan manuskrip secara keseluruhannya. Ia mencakupi dari gambaran bentuk fizikal sehinggalah gambaran isi kandungannya.

Bagi Wan Mohd Nor Wan Daud (Wan Mohd Nor, 1990), ilmu bertanggungjawab membangunkan tamadun dunia. Tegasnya lagi, tamadun terhasil daripada pengamalan budaya ilmu. Ia terdiri daripada beberapa perkara seperti setiap kegiatan hidup dibuat berasaskan pertimbangan ilmu, pencarian ilmu lebih diutamakan melebihi pencarian harta, pencarian ilmu seumur hidup. Baginya, tamadun yang tidak dibina atas dasar ilmu akan menjadi rapuh seperti istana pasir yang akan musnah apabila dilanda ombak (Wan Mohd Nor, 1990 h. 51-67). Hal ini memang diakui kerana ia harus dilihat kepada tiga tahap perkembangan Islam di alam Melayu. Syed Naquib al-Attas menyatakan perkembangan Islam di alam Melayu terbahagi kepada tiga zaman (Syed Naquib al-Attas, 1969, h. 29-30).

- i. Era tahun 1200-1400 era menerima Islam secara luaran semata-mata (*norminal conversion*). Nilai-nilai pra islam seperti feodal masih kuat dipegang oleh masyarakat Melayu.
- ii. Era tahun 1400-1700 iaitu era kegemilangan Islam dengan berkembangnya sistem Pendidikan Islam dan lahirnya kitab Jawi dan ajaran Islam menjadi elemen terpenting masyarakat Melayu.
- iii. Era 1700-2000 era kemunduran tamadun Islam dengan penjajahan kuasa barat.

Kitab Jawi dianggap sebagai salah satu sumbangan masyarakat Melayu tradisi yang berupaya menghasilkan buah fikiran yang dapat digunakan sehingga kini (Mohd Bakhir Abdullah, 2007, h. 33-47). Gambaran yang terukir melalui penghasilan ini mencerminkan keupayaan masyarakat yang kreatif dan pada dasarnya, penghasilan manuskrip ini turut mencerminkan budaya hidup masyarakat lampau. Dalam menelusuri situasi ini, perlunya pengenalan manuskrip secara keseluruhannya. Ia mencakupi dari gambaran bentuk fizikal sehinggalah gambaran isi kandungannya. Tulisan Jawi adalah platform orang Melayu menjadi celik ilmu kerana sebelum itu orang Melayu buta huruf dan berada didalam keadaan jahil tanpa ilmu pengetahuan. Sebelum Islam datang orang Melayu jahil dan sesat. Sebab sebelum ini sarjana-sarjana hanya menyentuh tentang penulisan secara sehalu iaitu bagaimana kajian sistem dan ejaan tulisan jawi tanpa melakukan kajian atau menyentuh kajian berkaitan bagaimana tulisan jawi berperanan dalam masyarakat Melayu. Kerana karya-karya jawi alam Melayu mempunyai tamadun intelektual Islam yang tetap kekal relevan hingga ke hari ini dan digunakan sebagai bahan pengajaran di institusi Islam, masjid dan surau didalam masyarakat melayu hari ini.

Koleksi historigrifi milik masyarakat Melayu yang antara lainnya berupa manuskrip Melayu-Islam dalam kalangan akademia barat dianggap sebagai warisan yang sangat berharga. Ianya sejak sekian lama telah dijadikan sumber normatif ataupun bahan kajian utama untuk memahami dan memperihalkan

tentang watak manusia Melayu-Islam (Rahimin Affandi, 2005, h. 19-51). Masyarakat Melayu memang bijak menggunakan pemikiran sehingga melahirkan pelbagai kearifan tempatan, tetapi kitab Jawi telah memperkenalkan paradigma ilmu sejati. Paradigma ini antara lainnya adalah falsafah, world-view, metodologi dan sumber rujukan khusus yang perlu diketahui agar sesuai dengan kehendak Islam dalam menangani kehidupan. Hal ini amat penting kerana ia mengasaskan keilmuaan untuk masyarakat Melayu. Contohnya, dalam bidang hukum Islam, paradigma ini terkandung dalam ilmu *usul al-fiqh* yang mengandungi maklumat tentang ontologi (apa dia), epistemologi (bagaimana) dan aksiologi (untuk apa) hukum Islam. Lebih tepat lagi, proses pembentukan paradigma ini telah dilanjutkan kepada masyarakat Melayu, yang membawa maksud ilmu Islam masyarakat Melayu memang berteraskan kepada ajaran Islam. Antara paradigma kitab Jawi yang boleh dinyatakan :

KITAB JAWI DAN PENJANAAN PEMIKIRAN ILMIAH KEPADA MANUSIA MELAYU

Kitab Jawi bukan setakat mengabsahkan penggunaan akal, bahkan turut mengajar bagaimana penggunaan akal yang terpinpin dapat dilakukan. Ia bersesuaian dengan konsep rationalistik dalam Islam. Konsep rationalistik ini menentang keras amalan budaya taqlid iaitu amalan yang menerima pendapat orang lain tanpa usul periksa secara teliti. Amalan ini perlu ditolak sama sekali membabitkan aspek akidah dan syariah. Persoalan akidah dan syariah Islam perlu diterima secara menggunakan neraca perkiraan akal yang waras dan tidak ada perkara yang bersifat dogmatik yang tidak boleh dipersoalkan oleh akal yang waras. Islam adalah bersifat mesra akal yang sihat serta turut menggalakkan proses mengawal, menajam dan menyuburkan kapasiti akal sehingga ke tahap yang paling maksimum melalui proses latihan dan pengamalan budaya ilmu.

Kedatangan Islam bukannya berlaku kepada ruang kosong. Sebelum Islam, manusia Melayu telah pun mempunyai asas tamadun material dan intelektual yang cukup mantap. Islam datang bukannya seperti agama Yahudi yang membawa idealisme taasub suku tertentu. Sebaliknya Islam mengakui keabsahan budaya bukan Arab selama mana ianya bersifat mubah dan tidak bertentangan dengan prinsip tauhid. Lebih menarik lagi, ia berbentuk wasatiyyah-sederhana, tidak terlalu bebas tanpa ikatan warisan, tidak menolak keabsahan warisan tempatan, menentang segala bentuk sifat melampau, mementingkan penjagaan kepentingan kolektif dan menolak individualisme. Bertepatan dengan teori Ibn Khaldun, sifat wasatiyyah ini terbentuk hasil pengaruh iklim sederhana alam Melayu (Mohd Kamil, 2008). Ia adalah bentuk pemikiran dengan bantuan daripada Quran dan Sunnah bukannya bentuk pemikiran bebas tanpa dipandu oleh sumber nas (Rahimin Affandi, 2003, h. 1-31). Bentuk pemikiran Melayu-Islam yang dipupuk benihnya oleh kitab Jawi adalah berbentuk *bayani* (berasaskan panduan nas syarak), *Burhani* (berasaskan kajian ilmiah) dan *Irfani* (berasaskan pengalaman batiniyyah; Zauq, Qalb, Wijdan, basirah dan intuisi). Pemikiran di luar skop agama; budaya (pola cita dan pola laku) turut dipengaruhi oleh nilai-nilai Islam yang menjadi asas jati diri manusia Melayu. Hal ini jelas

kelihatan daripada perpatih adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah (Rahimin Affandi, 2011).

KITAB JAWI DAN PARADIGMA SAINTIFIK DAN INTELEKTUAL ISLAM SEJATI

Hasil kajian terhadap sejumlah besar kitab jawi yang dikenali ramai, beberapa paradigma cuba diterapkan oleh sarjana Melayu Islam silam. Antaranya;

Pertama, menanamkan kefahaman asas bahawa Islam perlu menggunakan 3 domain utama dalam kehidupan; kognitif (pemikiran), afektif (membentuk sikap) dan psikomoto (kemahiran yang terhasil). Terpenting lagi, Islam memerlukan peranan kuasa politik untuk tujuan fungsional pelaksanaan hukum Islam dalam kehidupan masyarakat. Buktinya boleh dilihat kepada artifak Batu Bersurat di Terengganu (Rahimin Affandi, 2010). yang mencatatkan peranan fungsional kerajaan diperlukan sejak awal di alam Melayu (Rahimin Affandi et. al, 2011, h. 17-30). Walaupun di zaman awal Islam (era tahun 1400-1500) di alam Melayu, memang telah terdapat pelbagai legal degist Melayu awal, tetapi kitab Jawi memang berbeza dengan genre *legal degist* Melayu, bila mana kitab Jawi mengandungi *world-view* Islam sejati dan bukannya penuh elemen feudal Melayu (Rahimin Affandi, 2003, h. 158-179).

Kedua, konstruk ilmu yang lebih bercirikan prinsip kelimuan Islam. Hal ini merujuk kepada beberapa perkara;

1. Ia bebas daripada elemen feudal Melayu yang awal dan menekankan elemen demokrasi pendidikan bila mana penggunaannya untuk semua lapisan masyarakat dan bukannya khusus untuk golongan istana semata-mata.
2. Bahasanya mudah difahami. Andainya rumit, ia bakal dihuraikan oleh ulama khusus. Sebahagian kitab Jawi ini telah dibuat dalam bentuk prosa biasa dan ada dalam bentuk nazam (puisi dan syair). Tujuannya adalah untuk menjadikan pembaca lebih tertarik dan mudah diingati.
3. Ia dikonstruksi dapat menjana pembacaan, pemikiran dan wacana yang lebih proaktif daripada pembaca, ada *matan* dan *syarah* (berisi komentar sendiri ataupun daripada guru yang mengajar). Maknanya ia dikonstruksi bagi memastikan sifat jumud tidak berlaku bila mana bahagian *matan* (isi utama) akan disyarah bersama catatan daripada pembacanya. Secara langsung ia akan mengajar pembaca membaca, berfikir dan memberi komentar dalam bahagian syarahnya.
4. Memperkenalkan gaya penulisan ilmiah. Ia merangkumi teknik penulisan kitab dengan gaya penulisan, penerangan dan penghuraian, kemusykilan dan penyelesaian masalah. Lebih menarik lagi, usaha penyaringan dan pemindahan ilmu daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu memang dilakukan dengan baik.

KITAB JAWI DAN ISU ONTOLOGI (APA YANG WUJUD/REALITI KEWUJUDAN)

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa asas paradigma keilmuan, khususnya soal ontologi yang diterapkan oleh kitab Jawi mampu melahirkan manusia Melayu yang berdaya maju, yang boleh dipergunakan bagi melahirkan pemikiran sains Islam. Berbanding dengan falsafah sains barat yang bersifat Antroposentrisme (Secular), kitab Jawi mengajarkan konsep alam mempunyai heiraknya yang berlapis yang boleh dipelajari mengikut heiraki sumber yang khusus.

Terdapat dua realiti kewujudan alam; mikro kosmos (diri manusia) dan makro kosmos (alam sekitar dan alam ghaib). Heiraki kewujudan terbahagi kepada alam nyata dan alam ghaib. Manusia boleh mengetahui kesemua maklumat tentang alam ini bersesuaian dengan sumbernya yang betul. Alam dunia boleh diketahui dengan akal (kajian ilmiah), manakala alam ghaib boleh diketahui dengan sumber wahyu setakat yang dibenarkan kecuali zat Allah dan Ruh (Muhammad 'Uthman, 2001, h. 10-22). Namun begitu, terdapat sesetengah masyarakat Melayu menekankan kepercayaan kepada makhluk halus yang melampau sedangkan ianya sangat ditegah dalam Islam.

Bagi alam mikro kosmos (diri manusia), ianya terdiri daripada elemen seperti benda, jisim, akal dan ruh. Ianya sesuai dengan hadis yang menyebut tentang penguasaan hati dan akal terhadap seluruh badan. Ia juga termasuk dengan kepercayaan tentang maqam nafsu manusia yang terdiri daripada maqam nafsu *Amarah*, *Lawamah*, *Mu'mainah* dan *Kamil* (Osman Bakar, 2001, h. 1-8). Untuk alam makro kosmos pula, ia terdiri daripada alam sekitar, langit dan alam Samawi yang tidak terduga sifatnya. Kewujudan di alam Ghaib terdiri daripada malaikat, jin dan syaitan. Hasil penelitian yang dibuat oleh Hashim Musa terhadap tipologi sejarah tamadun alam Melayu, mendapati pandangan manusia Melayu *world-view* bersumberkan dari wahyu Allah (Hashim Musa, 2001, h. 48-49). Antaranya, mempercayai alam ini hasil ciptaan dan tadbiran Allah yang mencakupi alam *primordial* (arwah), alam dunia dan alam akhirat. Alam akhirat adalah destinasi dan natijah muktamad dari kehidupan di alam dunia. Kejayaan hakiki di alam akhirat adalah dapat memasuki syurga dan kejayaan di alam dunia adalah ketaatan kepada Allah.

Intipati terpenting yang boleh difahami adalah kesemua konsep ontologi yang difahami oleh manusia Melayu berasaskan kepada *world-view* wahyu Allah. Kesemuanya perlu difahami menggunakan empat pendekatan utama; *Tauhid*, *Rationalistik*, *World Affirmative* (dunia sebagai tempat berguna) dan *Societal* (mementingkan etika dan kepedulian social) (Rahimin Affandi, 2007, h. 235-328).

KITAB JAWI DAN ISU EPISTEMOLOGI MANUSIA MELAYU

Dalam banyak hal, manusia Melayu amat terhutang budi dengan ajaran Islam yang memperkenalkan secara langsung elemen epistemologi ilmu. Ia menyebabkan proses pencarian dan pengembangan pelbagai keilmuan Melayu-

Islam menjadi semakin pesat. Hal ini dijelaskan oleh Naquibb al-Attas dengan:
“*di situ ditegaskan sebagai prinsip utama akidah Islamiah adalah :*

1. Hakikat segala perkara itu sabit adanya dan pengetahuan mengenainya dapat dicapai sebenarnya, bersalahan dengan kaum Sufastaiyah;
2. Segala perkara yang menghasilkan ilmu bagi makhlukat itu tiga perkara;
 - (i) pancaindera yang lima,
 - (ii) khabar sadiq, yakni berita yang benar yang terbahagi kepada dua; (a) khabar mutawatir, dan (b) khabar yang datang daripada Rasulullah, dan
 - (iii) akal. Adapun ilmu yang dicapai melalui akal ini terbahagi pula kepada dua; (a) ilmu badihi atau daruri yang tidak memerlukan bukti atau hujah, dan (b) ilmu Istidlali yang memerlukan bukti atau hujah.” (Naquib al-Attas, 1988, h. 53-54).

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa epistemologi manusia Melayu terdiri daripada beberapa perkara yang utama; **Bentuk Bayani** (bergantung kepada teks wahyu), **Burhani** (bergantung kepada akal) dan **Irfani** (bergantung pada intuisi dan ilham). Ketiga-tiga bentuk ini telah diintegrasikan pemakaiannya oleh manusia Melayu (Rahimin Affandi, 2009). Rasionalism dan *emperiscisme* sekaligus. Hal ini jelas terbukti apabila manusia Melayu menekankan kepada menumpukan pembelajaran dengan alam semesta (Ayat Kawniyyah) sehingga terhasil teori/hukum alam (konsep adat) yang bersifat kekal (seperti pepatah *biar mati anak jangan mati adat*) dan bersifat lentur yang perlu berubah mengikut keperluan semasa (seperti pepatah *sekali air bah sekali pasir pantai berubah*) (Abdullah Alwi, 2001, h. 65-66). Bentuk penggunaan akal melalui metafora, alegorikal dan rasional. Ia terdiri daripada *Aktual* (potensi dan fitrah yang dimiliki sejak manusia lahir- bersifat tidak berkembang) dan *Muktasab* (diperolehi dengan cara belajar, membaca dan mengkaji -bersifat sentiasa berkembang) (Hassan Ahmad, 2004, h. 1-12). Bentuk penelitian sesuatu fenomena kehidupan dan alam secara mendalam. Banyak pepatah Melayu tentang konsep sains lahir hasil interaksi akal dengan pengalaman hidup dan alam semesta (Ithnin Abdul Jalil, 2001, h. 452-460). Ia dikaji oleh pemikir Melayu secara mendalam dan berulang kali, yang kemudiannya dinukilkan dalam bentuk pepatah untuk dimanfaatkan oleh anggota masyarakat (Hassan Ahmad, 2004, h. 1-12).

ISLAMISASI DAN PEMBENTUKAN BUDAYA ILMU (TULISAN JAWI)

Proses islamisasi di alam Melayu bukanlah berlaku tanpa dilakukan kajian dan perancangan yang rapi. Lebih penting lagi, pembentukan paradigma ilmu dalam masyarakat Melayu dimulakan oleh mubaligh yang awal. Hasil kajian mendalam tentang sirah mubaligh yang awal, kita dapat mengesan penggunaan pendekatan dakwah yang mengutamakan penggunaan medium komunikasi yang khusus (Quran 49 : 6) Penekanan tentang peri pentingnya alat komunikasi yang terbaik untuk tujuan penyebaran nilai-nilai Islam seperti mana ditekankan dalam surah

Ali-Imran ayat 64 telah difahami mubaligh Islam yang kemudiannya menghasilkan pelbagai medium dakwah khusus, antaranya melalui medium tulisan, khutbah dan sebagainya. Kesemua medium ini telah dirangka khusus dengan mengambil kira persekitaran tempatan sasaran dakwah yang hendak disampaikan mesej Islam. Dalam konteks alam Melayu, pemahaman ini telah membuahkan beberapa perkara;

Penciptaan tulisan Jawi dalam dunia intelektual alam Melayu merujuk kepada asal usul penciptaan dan penggunaan tulisan jawi dalam masyarakat Melayu, sekali lagi kita terpaksa berterima kasih dengan sumbangan ulama Melayu Islam yang awal yang telah mengasaskan dan memperkayakan bahasa Melayu (Amran Kasimin, 1987) dalam bentuk tulisan jawi, yang dijadikan sebagai alat untuk memperkembangkan keilmuan Islam (Omar Awang, 1981, h. 80-85). Fenomena yang mengambilkira elemen tempatan dalam bentuk memilih bahasa tempatan sebagai medium untuk penyebaran ilmu agama telah dilakukan oleh sarjana Islam di kebanyakan dunia Islam, seperti penciptaan tulisan Urdu di India dan tulisan Parsi di Iran berteraskan dari segi bentuknya kepada bahasa Arab dengan sedikit sebanyak pengubahsuaian (Omar Awang, 1980, h. 55).

Pemberian nafas baru Islam terhadap bahasa Melayu menggunakan tulisan jawi ini telah melangkaui tujuan asal penciptaannya iaitu sebagai alat penyebaran Islam, yang turut diiktiraf sebagai bahasa komunikasi (*lingua franca*) terpenting untuk rantau alam Melayu. Dengan pengiktirafan antarabangsa ini, kemudiannya sedikit sebanyak proses pematangan bahasa Melayu dan tulisan jawi telah dilakukan oleh ulama Melayu silam dengan mengemukakan bahan-bahan asas dari warisan Islam timur tengah (Hashim Musa, 1994, h.7-13) yang ditokok tambah dengan nilai-nilai tempatan alam Melayu yang melahirkan beberapa genre intelektual Melayu seperti cerita-cerita cereka Melayu (Siti Hawa Haji Salleh, 1987, h. 282) dan kitab perubatan tradisi Melayu (Hashim Awang, 1988, h. 30-38). Bahasa Melayu yang dipinjam daripada Islam (bahasa Arab) telah menjadikan bahasa Melayu kaya dengan makna dan istilah Islam. Bahasa Melayu dengan tulisan jawi telah menjadi wadah penyebaran dan penghayatan Islam seperti mana tulisan parsi dan urdu. Contohnya, seperti istilah Islam, tauhid, iman, taqwa dan sebagainya yang tidak dikenali oleh orang Melayu sebelumnya. Kemudiannya, dalam kerangka perpaduan ummah, karya-karya Melayu Islam menggunakan tulisan jawi ini telah dikembangkan dan disebar di banyak tempat dalam dunia Islam seperti di Mekah, Bombay, Istanbul dan Kaherah (Mohammed Redzuan, 1994, h. 57). Ini menunjukkan apabila diterima sebagai salah satu dari rangkaian ummah Islam sedunia, hasil karya intelektual Islam umat Melayu (kitab Jawi) telah turut diterima secara meluas dan diakui mutu akademiknya di beberapa pusat keilmuan Islam dunia (Md. Sidin, 2000, h. 26-34).

ISLAMISASI DAN PENETAPAN ASAS AKIDAH DAN WORLD-VIEW TAUHID

Hasil kajian terhadap sejumlah besar kitab Jawi yang dikenali ramai, kita dapat mengesan asas akidah tauhid yang diterapkan di alam Melayu pada zaman era

1200-1400. Antaranya; Ia menanamkan kefahaman asas bahawa Islam perlu menggunakan 3 domain utama dalam kehidupan; kognitif (pemikiran), afektif (membentuk sikap) dan psikomoto (kemahiran yang terhasil). Islam harus difahami, diimani dan diamalkan dalam kehidupan. Paling utama, Islam memerlukan peranan kuasa politik untuk tujuan fungsional pelaksanaan hukum Islam dalam kehidupan masyarakat. Buktinya boleh dilihat kepada artifak Batu Bersurat di Terengganu (Rahimin Affandi, 2010) yang mencatatkan peranan fungsional kerajaan diperlukan sejak awal di alam Melayu (Rahimin Affandi, 2011, h. 17-30). Islam juga harus diamalkan berasaskan kepada *world-view* dan falsafah kehidupan Islam sejati;

1. *Falsafah Tauhid*: perbezaan yang jelas di antara Tuhan dengan makhluk. Tuhan adalah Tuhan dan ianya berbeza daripada makhluk di mana makhluk dalam apa bentuk sekalipun bukannya jelmaan daripada Tuhan yang harus ditakuti. Alam dan makhluk adalah ciptaan Allah swt yang Maha Berkuasa secara mutlak, di mana kedua-duanya hanya tunduk dan mentaati Allah swt semata-mata. Perbuatan syirik kepada Allah swt tidak dibenarkan sama sekali, kerana ianya mengakibatkan kezaliman yang amat besar dan tidak akan diampunkan oleh Allah swt. Perbuatan syirik ini boleh berlaku dalam dua bentuk, sama ada menyekutukan Allah swt dengan kuasa ketuhanan yang lain ataupun menjadikan manusia dan nafsu sebagai kuasa penentu yang bertaraf seolah-olah seperti Tuhan. Dalam erti kata lain, kedua-dua bentuk syirik ini iaitu *syirik jali* dan *syirik khafi* perlu disedari sepenuhnya oleh umat Islam. Matlamat utama daripada pendekatan anti-syirik ini adalah bagi menjuruskan pengabdian insan hanya kepada Allah swt, yang bakal melahirkan manusia yang berjiwa bebas, merdeka dan tidak tunduk kepada manusia dan selainnya yang boleh menggantikan posisi Tuhan.
2. *Budaya Ilmu*: mendapat sebanyak mungkin ilmu untuk mencapai keredhaan Allah swt; bertindak mengikut perkiraan ilmunya, menyebarkannya ke dalam masyarakat dan berfungsi sebagai pemimpin masyarakat; menjadikan matlamat pencarian ilmu bukan untuk tujuan kebendaan (makan gaji) tetapi untuk mencapai keredhaan Allah swt. Nikmat pengetahuan akan menjadikan pelajar sebagai seorang yang mampu berdikari tanpa bergantung kepada orang lain dan menekankan persoalan akhlak serta disiplin Islam melebihi segala-galanya.
3. *Falsafah Rationalistik*: menentang keras amalan budaya taqlid iaitu amalan yang menerima pendapat orang lain tanpa usul periksa secara teliti. Amalan ini perlu ditolak sama sekali membabitkan aspek akidah dan syariah. Persoalan akidah dan syariah Islam perlu diterima dengan menggunakan neraca perkiraan akal yang waras dan tidak ada perkara yang bersifat dogmatik yang tidak boleh dipersoalkan oleh akal yang waras. Islam adalah bersifat mesra akal yang sihat serta turut menggalakkan proses mengawal, menajam dan

- menyuburkan kapasiti akal sehingga ke tahap yang paling maksimum melalui proses latihan dan pengamalan budaya ilmu.
4. *World Affirmative*: (alam sebagai tempat yang berguna) kepada masyarakat Melayu. Ianya telah menjadi asas kepada pembangunan hidup masyarakat yang lebih dinamik. Menurut pendekatan ini, umat Islam perlu menolak semua bentuk ajaran yang menafikan kepentingan hidup dunia seperti mana dipegang oleh ajaran Neo-Platonism, Hindu, Buddha dan Kristian yang menganggap kehidupan dunia ini sebagai kotor dan perlu dijauhkan demi untuk mencapai kejayaan di dalam hidup selepas mati.
 5. *Societal*: intelektual Muslim perlu berkhidmat dengan lebih gigih di dalam masyarakat melalui penerapan prinsip *societal* (mementingkan kehidupan bermasyarakat). Pendekatan ini antara lainnya menekankan kepentingan kehidupan bermasyarakat.
 6. *Prinsip Wasatiyyah*: membawa maksud seimbang dan pertengahan. Lebih khusus lagi, ia bermaksud berada di tempat yang sesuai di antara dua situasi yang bertentangan, selalu mengambil jalan tengah dalam menghadapi situasi yang berlaku dalam kehidupan. Anti tesis ataupun lawan kepada sifat wasatiyyah ini adalah sifat *ifrat* dan *tafrit* (melampaui batas) sama ada terlalu keras atau lembut, rajin atau malas dalam melakukan sesuatu pemahaman dan tindakan. Ianya didorong oleh ketiadaan ilmu yang benar (konsep kehilangan adab) dan terlalu mengikut dorongan nafsu dalam melakukan sesuatu perkara.

Hasilnya, terbukti *world-view* Tauhid ini memang dijiwai masyarakat Melayu. Jika dirujuk kepada teori yang dibuat oleh Hashim Musa terhadap tipologi sejarah tamadun alam Melayu, mendapati pembinaan tamadun Melayu ini telah diasaskan dengan enam pandangan *world-view* yang bersumberkan wahyu Allah. Keenam-enam pandangan ini telah menjadi pegangan utama masyarakat Melayu sehingga sekarang yang terdiri antara lainnya (Hashim Musa, 2001, h. 48-49) ;

1. Alam ini hasil ciptaan dan tabdiran Allah yang mencakupi alam primordial (arwah), alam dunia dan alam akhirat. Alam akhirat adalah destinasi dan natijah muktamad dari kehidupan di alam dunia. Kejayaan hakiki di alam akhirat adalah dapat memasuki syurga dan kejayaan di alam dunia adalah ketaatan kepada Allah.
2. Islam adalah panduan dari Allah sebagai *al-Din* yang mengandungi segala peraturan bagi segala gelagat hidup di dunia untuk individu dan masyarakat demi untuk kejayaan hakiki mereka.
3. Keyakinan kepada pembalasan yang baik bagi amalan yang baik dan sebaliknya pembalasan yang buruk untuk amalan yang buruk.
4. Wawasan, misi, objektif, niat, strategi dan operasi segala bidang kerja hendaklah salih, benar dan mematuhi segala aspek hukum Islam tanpa kompromi, manipulasi dan tolak ansur.

5. Nilai tertinggi dikaitkan dengan segala perkara yang membantu pembentukan insan yang beriman, beramal salih dan berakhlak mulia yang manfaatnya dapat dinikmati sama oleh orang lain.
6. Kehidupan pertengahan dan seimbang antara jasmani, akali dan rohani berasaskan kepada ilmu pengetahuan dalam bentuk fardhu Ain dan fardhu kifayah.

Apa yang penting, masyarakat Melayu memahami bahawa Islam perlu difahami dan dihayati yang menyebabkan muncul kerajaan Islam seperti Melaka dan Aceh. Daripada kenyataan Batu Bersurat di Terengganu membuktikan syariah telah dilaksanakan dalam masyarakat Melayu. Atas dasar itu menurut D.G.E. Hall, proses pendidikan dan perundangan Islam telah bertapak lebih daripada seratus tahun sebelumnya (D.G. E. Hall, 1968, h. 255). Hanya selepas Islam benar-benar diterima ramai dan menjadi asas kehidupan masyarakat Melayu di Terengganu, barulah ianya dicatatkan pada Batu Bersurat sebagai pengisytiharan dan peringatan tentang kedaulatan Islam di kawasan tersebut. Ada keterangan tentang Allah dan Rasul, disamping bukti bahawa sistem perundangan Islam berupa gabungan antara undang-undang adat dan Islam (M.B. Hooker, 1976, h. 127-131). Ia membabitkan 9 atau 10 hukum dalam bidang (a) mu'amalat tentang hutang piutang, undang-undang keterangan, hukuman kerana enggan membayar denda atau melarikan diri daripada hukuman dan (b) hukuman bagi kesalahan zina. Namun begitu, sebahagian besar keterangan ini kurang lengkap dan agak kabur kerana kehilangan sebahagian besar serpihan batunya (Abdul Kadir, 1996, h. 4). Mengikut Zainy Uthman, catatan tentang 22 Februari 1303M Batu Bersurat di Terengganu yang menyebut tentang bulan Saratain menunjukkan penduduk di Terengganu itu sudah memiliki ilmu astronomi yang agak canggih. Ini kerana apabila dibuat kajian lanjutan dengan penggunaan komputer milik UNISZA tentang tarikh munculnya bintang Saratain di langit dunia semasa Batu Bersurat diletakkan, ia terbukti tepat dan betul. Mengikut catatan komputer astronomi, memang memang betul pada tarikh 22 Februari 1303M telah muncul bintang Saratain di langit Terengganu.

Menurut Wan Mohd Nor lagi, penjajah walaupun dengan kecanggihan teknologi ketenteraan, tetap gagal mengubah *world-view* tauhid Melayu. Ia menyebut bahawa kerana *world-view* tauhid menyebabkan orang Melayu menjadi bebas dan tidak takut kepada kuasa tahyul. Ini menyebabkan orang melayu berani belayar di lautan luas kerana percayakan kuasa Allah sebagai tempat bergantung (Wan Mohd Nor, 2001, h. 12-17).

ISLAMISASI DAN PARADIGM ILMU

Di Tanah Melayu, karya intelektual Melayu boleh dirujuk kepada tiga bentuk warisan (korpus) keilmuan; Karya ilmiah bertulis yang dihasilkan oleh sarjana Melayu-Islam dalam pelbagai bidang disiplin ilmu keIslaman sama ada secara teoretikal (seperti disiplin teologi) ataupun praktikal (Fiqh dan Tasawuf). Ia dikenali juga sebagai kitab Jawi dihasilkan oleh sarjana Melayu-Islam sama ada secara saduran ataupun asli berteraskan kepada kerangka asas Islam (Rahimin Affandi, 2004, h. 566-572). Ianya telah digunakan sebagai rujukan asas untuk

pengajian keilmuan Islam bukan setakat di rantau alam Melayu, bahkan turut dikenali secara meluas di peringkat antarabangsa (Rahimin Affandi, 2006, h. 55-80).

Kesusasteraan Melayu dalam pelbagai bentuk sama ada (i) dalam bentuk tulisan ilmu pengetahuan agama, (ii) tulisan sastera Hikayat dan (iii) tulisan dalam bentuk sejarah, undang-undang, Ketatanegaraan, cerita Panji dan sebagainya (Abdul Rahman, 1990, h. 57). Karya lisan manusia Melayu silam yang kemudiannya telah dikumpulkan dalam pelbagai antologi yang khusus. Ianya merangkumi karya sastera masyarakat, bahan pertuturan dan ucapan sesuatu masyarakat yang merupakan pernyataan isihati dan fikiran sesuatu masyarakat. Antara sumber-sumber yang relevan untuk kelompok ini adalah kajian terhadap pantun dan peribahasa Melayu, dan syair Melayu. Boleh dikatakan, akibat proses Islamisasi alam Melayu, nilai-nilai Islam telah meresap masuk dalam setiap jenis karya intelektual ini. Cuma, korpus asas yang bertanggungjawab menerapkan prinsip Islam adalah karya yang pertama; kitab jawi. Terdapat teori yang menyebut bahawa bahasa melambangkan semua perkara yang berkaitan dengan kepercayaan masyarakatnya. Falsafah yang mendasari pemikiran Melayu berasaskan beberapa proses: pengamatan, pegangan agama, akal budi, adat dan budaya dan alam sekitarnya. Jadi untuk memahami orang Melayu berfikir perlu dilihat pada korpus ilmunya dalam bentuk peribahasa, petua, pepatah, pantun (Zaitul Azma, 2011, h. 31-49). Untuk memahami bagaimana orang Melayu memahami sistem moral kehidupan Melayu, kita perlu melihat kepada hasil karya intelektual masyarakatnya, seperti peribahasa yang dipegangnya. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa apabila dikaji bahasa dan peribahasa Melayu ternyata semuanya berteraskan prinsip Islam (Hashim Musa (2013, h. 1-22). Ini membuktikan bahawa:

1. Pencipta bahasa dan peribahasa Melayu: cerdik pandai dan pemikir atau ulama Melayu sendiri.
2. Islam telah menyerap masuk dalam budaya dan pemikiran Melayu secara cukup mendalam. Secara mudahnya, kajian mendapati elemen Islam telah menyerap masuk dalam korpus peribahasa, pantun, petua dan pepatah Melayu. Hal ini berlaku kerana pemikir Melayu yang melahirkan peribahasa akan melalui proses pengamatannya tentang alam, falsafah Islam, adat dan budaya Melayu (Shamsuddin Othman, 2015, h. 1-10). Begitu juga halnya dengan kitab Jawi Melayu. Ia dihasilkan melalui melalui proses :
 - Pemilihan karya Islam Timur tengah yang berautoriti, sebarang kitab yang kontroversi akan ditolak (Faudzinaim, 2012, h. 19-25).
 - Pemahaman kandungan karya Islam Timur tengah secara holistik, dipetik sumber rujukan Timur tengah yang menjadi asas sandarannya.
 - Ia diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu melalui tulisan jawi dalam bahasa yang mudah difahami pembaca Melayu.
 - Ia juga diterapkan dengan pendekatan dan budaya tempatan alam Melayu (Jamalluddin Hashim, 2008, h. 198-215).

Proses Islamisasi alam Melayu telah membawa elemen positif dalam segenap aspek kehidupan masyarakat Melayu. Program dakwah Islam awal ini telah dirancang dengan begitu rapi oleh mubaligh awal dan hasilnya ajaran Islam telah berjaya diterapkan secara berkesan dalam masyarakat Melayu melalui institusi pendidikan Islam yang kemudiannya ke dalam elemen sosio, budaya dan politik masyarakat Melayu.

PERANAN KITAB JAWI MELAHIRKAN INTELEKTUALISM & BERMUTU TINGGI

Antara peranan terbesar kitab Jawi menjadikan manusia Melayu berubah menjadi celik huruf dan berilmu pengetahuan. Melalui tulisan jawi proses penghasilan kitab-kitab ilmu dan agama dapat di lipatgandakan dan diperluaskan pada ketika itu. Pencapaian kitab jawi begitu meluas dalam masyarakat Melayu yang melahirkan perkembangan intelektualisme yang bermutu tinggi. Hal ini dapat dijelaskan dengan beberapa perkara;

1. Ia dibuat atas dasar keikhlasan untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat awam di alam Melayu. Pengarangnya sangat perihatin dengan nasib masyarakat alam Melayu yang baru menerima Islam dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran; pengaruh idealisme pra Islam dan kolonialisme. Ia tidak seperti pengarang zaman moden yang terlalu terikat dengan kepentingan kebendaan melalui konsep harta intelek. Konsep ini antara lainnya memberi peluang pengarang zaman moden mendapat kemasyhuran dan pulangan kebendaan. Sedangkan pengarang kitab jawi mewakafkan kitab mereka untuk perjuangan Islam.
2. Ia mengajar masyarakat Melayu bagaimana penulisan ilmiah perlu dilakukan. Ia berbeza dengan penulisan zaman silam yang sarat dengan kepentingan feudal dan elemen mitos untuk mengagungkan golongan feudal. Jelas sekali pengarang Melayu era feudal berfungsi untuk mengharapkan pulangan kebendaan bernaung di bawah raja khusus. Lagipun penulisan karya era feudal kurang menitikberatkan kaedah penulisan ilmiah sehingga sarjana kolonial secara terang-terangan menegaskan karya sejarah era melayu silam (seperti kitab sejarah melayu) tidak bersifat saintifik dan penuh dengan elemen mitos (Wilkinson, 1971, h. 20).
3. Ia mengajar formula Islam yang holistik sehingga menimbulkan tamadun di alam Melayu. Ia mengajar manusia Melayu berpegang kepada prinsip tauhid dalam apa-apa tindakan. Tiada elemen kasta dalam Islam di mana semua manusia sama sebagai mukallaf di sisi Allah. Ia juga melalui ilmu ketatanegaraan Melayu Islam mengajar etika yang wajib dimiliki oleh seseorang pemerintah. Setiap pengkaji kitab Jawi memang akan terkejut dan kagum dengan mutu ilmiah yang dimiliki oleh kitab Jawi. Ia menepati kriteria karya ilmiah seperti mana difahami dalam konteks moden (Syed Muhammad Dawilah, 1999, h. 2-3). Ia merangkumi;

- i) Elemen integriti yang memastikan proses peniruan (*plagiarism*) tidak dilakukan dengan memetik kata-kata orang lain tanpa mengakuinya. Hal ini tidak kedapatan dalam kitab Jawi, apabila pengarangnya secara terang-terangan menyatakan sumber rujukan pengambilan ideanya. Bahkan ia menyatakan ia adalah hasil terjemahan kitab muktabar yang khusus. Ia bukannya terjemahan secara pasif tetapi ditokok tambah dengan pandangan pengarang berdasarkan realiti tempatan alam Melayu.
- ii) Ada bahagian mukadimah, isi dan kesimpulan.
- iii) Struktur penghujahan yang sistematik serta persoalan dan jawapan disertakan alasan/sumber hujah (samada naqli atau aqli) yang sepatutnya.
- iv) Gaya bahasa yang mudah difahami pembaca. Bertepatan dengan epistemologi Islam. Terdapat keterangan tentang sumber rujukan yang agak detail. Penggunaan sumber rujukan bersesuaian dengan hiraki sumber asas Islam, dimulai dengan tertib yang rapi; Quran, Sunah, pandangan ulama dan akal. Apa yang menariknya penggunaan setiap karya ulama dipilih mengikut heirakinya (*Tabaqat*) yang tersendiri (Jamalluddin Hashim, 2008, h. 198-215).
- v) Ia disusun dalam bentuk yang logik dan terbuka untuk diwacanakan. Buktinya, kitab Jawi mempunyai ruangan matan teks asal dan ruangan catatan/komentar pembaca. Ia melatih pembaca menjadi pembaca/pemikir yang proaktif ; membaca, memahami dan mencatat sekaligus. Lagipun, ia terbuka untuk dilakukan semakan dan komentar oleh pengarang yang lain. Kesemua usaha wacana ilmiah akan memastikan mutu kajiannya semakin baik.

Proses pemindahan ilmu Islam dibuat kepada masyarakat Melayu juga melalui kitab Jawi (Muhammad Redzuan, 1988). Dalam kes ini, pemikiran, pendapat dan pandangan ulama-ulama di Timur Tengah dipindahkan dan disebarkan kepada umat Islam di kepulauan Melayu. Peranan sebagai “perantara” oleh kitab Jawi ini telah menjadi pemangkin penting kepada terjadinya perubahan-perubahan di dalam jiwa masyarakat Melayu Nusantara baik dari sudut pendidikan agama dan pandangan hidup mereka. Peranan penting kitab Jawi itu dapat dilihat dari tiga perspektif besar yang secara umumnya membuktikan berlakunya proses pemindahan atau transmisi tradisi ilmu dari Timur Tengah ke Nusantara iaitu pemikiran, penterjemahan dan penyelesaian masalah. Contohnya, bertitik tolak dari hasrat dan keinginan agar karya-karya tersebut sampai dan dapat dipelajari serta diambil manfaat oleh masyarakat alam Melayu maka ulama-ulama Jawi telah menterjemahkan sebahagian kitab-kitab tersebut ke dalam bahasa Melayu. Aktiviti penterjemahan yang dilakukan para pengarang Melayu yang terdiri daripada pelbagai bentuk seperti

terjemahan kitab atau penterjemahan bersama tambahan penterjemahnya. Antara karya-karya tersebut:

- *Hikam* oleh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari yang diterjemahkan oleh Tok Pulau Manis, Terengganu.
- *Minhaj al-'Abidin* oleh al-Ghazali dan *Kanz al-Minan* oleh Abu Madyan yang diterjemahkan oleh Syeikh Daud al-Fatani.
- *Bidayat al-Hidayah* dan *Lubab Ihya' `Ulum al-Din* oleh al-Ghazali yang diterjemahkan oleh `Abd al-Samad al-Falimbani dengan masing-masing tajuk ialah *Hidayat al-Salikin* dan *Siyar al-Salikin* (Faudzinaim, 2012, h. 19-25).

Berdasarkan contoh-contoh tersebut karya-karya tasawuf yang diterjemahkan hanyalah karya-karya yang tidak bersifat kontroversi. Sebaliknya, karya tasawuf yang memberikan penekanan kepada aspek-aspek akhlak dijadikan asas dan medan aktiviti penterjemahan ulama Jawi. Manakala karya-karya daripada pengarang sufi yang kontroversi tidak diterjemahkan untuk tatapan bangsa Melayu. Nama-nama seperti Ibn `Arabi dan al-Jili sudah dikenali masyarakat Melayu sejak abad ke-17 lagi melalui karya-karya Hamzah Fansuri, Nuruddin al-Raniri dan sebagainya. Di samping itu, kitab-kitab seperti *Futuh al-Makkiyyah* dan *Fusus al-Hikam* oleh Ibn 'Arabi juga dibaca dan dipelajari di al-Haramayn. Malah, tasawuf menurut ajaran Ibn `Arabi telah menjadi isu yang diperdebatkan oleh kelompok ulama di Mekah dan Madinah sama ada dari pihak pro mahupun kontra. Barangkali, para ulama Jawi yang melakukan usaha penterjemahan tersebut tidak mahu menimbulkan salah faham dan kekeliruan sebagaimana yang telah terjadi dalam sejarah umat Islam di rantau ini mengenai permusuhan di antara al-Raniri dan Hamzah Fansuri dan ajaran Martabat Tujuh.

4. Menekankan soal autoriti idea yang dibawa. Semua ajaran akan disandarkan pada sumber wahyu dan karya ulama silam. Dalam soal ini, ia secara langsung mengajar masyarakat Melayu bahawa;
 - i. Kitab silam (*turath*) adalah sesuatu yang mulia kerana warisan zaman awal Islam Timur Tengah mewakili zaman ilmu Islam yang paling betul memandangkan ia diasaskan oleh nabi. Ia berbeza dengan pemahaman Barat yang menganggap tradisi sebagai suatu yang negatif (Rozita Che Rodi, 2014, h. 3-13).
 - ii. Sumber maklumat ataupun ilmu perlu berasaskan kepada sumber yang boleh dipertanggungjawabkan, bukannya berasaskan sumber dongeng dan mitos. Lebih praktikal lagi, idea dan ilmu Islam daripada Timur Tengah telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu (dalam bahasa yang mudah difahami) dan diresapi dengan unsur-unsur tempatan alam Melayu. Ia bagi mengajar masyarakat alam Melayu yang baru memeluk Islam bagaimana memahami akidah (elemen kognitif) dan mengamalkan Islam dalam kehidupan seharian (Anuar Ramli, 2002).

- iii. Sumber ilmu ini bersesuaian dengan konsep neo-sufism yang menggabungkan aspek akidah, tasawuf dan syariah secara seimbang.
- iv. Ia terbuka untuk difikirkan dan dilakukan penambahbaikan yang berterusan. Mengikut Hashim Musa, sekiranya dilakukan perbandingan antara kandungan kitab Jawi dengan sastera hikayat, buat pertama kalinya masyarakat Melayu didedahkan dengan pengetahuan ilmu peringkat tinggi yang menekankan kepada soal autoriti idea yang dibawa (Hashim Musa, 2014, h. 3-19). Setiap pengarang kitab Jawi akan memasukkan nama pengarangnya sesuai dengan konsep tanggungjawab Islam yang menuntut nama pengarang dan sanad sandaran ilmunya dinyatakan (Rahimin Affandi, 2006, h. 55-80).
- v. Mengajar penganut Islam agar menjadi pengikut yang bertamadun (mementingkan isu peraturan). Ia juga mengajar supaya berhati-hati dalam elemen kognitif, afektif dan psikomotor yang perlu tertakluk kepada garis panduan Islam yang khusus (Idris Zakaria, 2003, h. 150-164).

HASIL KAJIAN DAN KESIMPULAN

Hasil kajian yang pengkaji dapat rumuskan adalah umat Melayu Islam berhutang budi dengan para ulama abad 16-20 M yang melahirkan kitab Jawi. Apa yang jelasnya, dalam kajian ini menunjukkan bagaimana peranan kitab Jawi yang memperkenalkan akidah Tauhid, sistem kerajaan dan budaya ilmu telah berjaya melahirkan tamadun Islam di alam Melayu. Ajaran Islam telah berjaya diterapkan secara berkesan dalam masyarakat Melayu melalui institusi pendidikan Islam yang kemudiannya telah di serap masuk dalam elemen sosio, budaya dan politik masyarakat Melayu. Kajian ini juga mengesyorkan agar usaha memperkasakan semangat kitab Jawi perlu dilakukan bagi memastikan tamadun Melayu Islam akan terus kekal di zaman global ini. Sebagai rumusan akhir, kesimpulan yang dapat dijelaskan. *Pertama*, proses Islamisasi alam Melayu yang merupakan limpahan rahmat terbesar dinikmati oleh manusia Melayu dilakukan melalui proses kajian dan perancangan metodologi dakwah yang mendalam oleh mubaligh awal Islam. *Kedua*, islamisasi alam Melayu telah membawa dimensi akidah dan budaya ilmu baru kepada manusia Melayu. Budaya ilmu ini kemudiannya telah menjana perkembangan Islam yang lebih dinamik dalam masyarakat Melayu. *Ketiga*, kitab Jawi telah memperkenalkan paradigma keilmuan sejati yang telah diperincikan dengan panjang lebar dalam kajian ini. Hasilnya, paradigma ilmu ini telah melahirkan serangkaian ulama Melayu-Islam yang bertaraf dunia dan berjaya melahirkan pelbagai karya agung yang menjadi asas kepada pembentukan jati diri dan intelektualism versi alam Melayu yang diakui ramai.

BIBLIOGRAFI

- Al-Quran Al-Karim serta terjemahan maknanya (Perisian Microsoft Word)
- Abdul Kadir Muhammad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP, h. 4.
- Abdul Rahman Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur, h. 57.
- Abdul Rahman Abdullah (1999), *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah Dan Aliran*, Jakarta, h. 33-40.
- Abdullah Alwi haji Hassan, "Adat Melayu Mengikuti Perspektif Perundangan Orang Islam Di Malaysia" dalam *Adat Melayu Serumpun*, Kuala Lumpur: DBP, 2001, h. 65-66.
- Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*, Kuala Lumpur, h. 202-204.
- Che Omar Awang (1996), *The Methodology Of Teaching In Islam: With Special Reference To The Traditional Educational Method In Malaysia*, tesis Ph.D untuk University of Edinburgh, h. 196-220.
- D.G. E. Hall (1968), *A History Of South East Asia*, London : St. Martins Press, h. 255.
- Faudzinaim Hj Badaruddin (2012), Peranan Kitab Jawi Tasawuf Sebagai Medium Transmisi Ilmu Islam Kepada Masyarakat Melayu Nusantara, Dalam *International Journal Of Islamic Thought*, v.1, h.19-25.
- Osman Bakar, "Persepektif Kosmologi Tasawuf Dalam Pemikiran Kosmologi Melayu", dalam Yaacob Haron *Kosmologi Melayu* (ed.), Kuala Lumpur : APMUM, 2001, h. 1-8.
- Hashim Awang A.R (1988), "Perlakuan Pemakanan Dalam Rangka Teori Perubahan Masyarakat Dan Budaya Melayu", dalam *Fenomena*, Siri penerbitan Jabatan Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, bil. 6, h. 30-38.
- Hashim Musa (1994), "Sejarah awal tulisan Jawi" dalam *Alam Melayu*, v. 2, h.7-13.
- Hashim Musa (2013), Bahasa Melayu Dan Konsep Kebenaran Ilmu Berdasarkan Pandangan Syed Muhmmad Naquib Al-Attas, *Kemanusiaan*, v. 20, no. 1, h. 1-22.
- Hashim Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam : Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*, Kuala Lumpur : APMUM, 2001, h. 48-49.
- Hassan Ahmad, "Bahasa Dan Pemikiran Melayu: Tradisi Dan Kesenambungan", dalam (Edit) Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris *Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesenambungan*, Kuala Lumpur: DBP, 2004, h. 1-12.
- Idris Zakaria, Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu, *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), h. 92.
- Ismail Hamid, *Peradaban Melayu dan Islam* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1985) h. 34-35.
- Ithnin Abdul Jalil (2001), "Pemikiran Saintifik Orang Melayu Melalui Peribahasa", dalam Yaacob Haron *Kosmologi Melayu* (ed.) Kuala Lumpur: APMUM, 2001, h. 452-460.

- Jamalluddin Hashim (2008), Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim Oleh Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri: Satu Sorotan, *Jurnal Fiqh*, no. 5, h. 198-215.
- Amran Kasimin (1987), *Perbendaharaan Kata Arab Dalam Bahasa Melayu*, Bangi.
- M.B. Hooker (1976), The Terengganu In Malayan Legal History, dalam *JMBRAS*, v. XLIX, part 2, h. 127-131.
- Mahayudin Haji Yahaya (2001). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: DBP, h. 107.
- Md. Sidin Ahmad Ishak (2000), *The Malays In The Middle East*, Kuala Lumpur, h. 26-34.
- Mohammed Redzuan Othman, The Middle Eastern Influence On The Development Of Religious And Political Thought In Malay Society, 1880-1940, Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Edinburgh, h. 57.
- Mohd Bakhir Abdullah, Sumbangan Kitab-Kitab Jawi dalam Pembangunan Insan di Nusantara, *Jurnal Yadim*, (2007), h. 33-47.
- Mohd Kamil abd Majid (2008), “Perubahan Sosial Dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun ”, Dalam *Jurnal Hadhari*, Institut Islam Hadhari UKM, V. 1.
- Mohd Shukri Hanafi, Evolusi Tasawur Pemikiran Melayu: Kajian Historiografi, *Sri Alam Jurnal Perbadanan Adat Melayu dan warisan Negeri Selangor*, Bil 1, 2016, (13), h. 1-15.
- Muhammad ‘Uthman El-Muhammady, ‘ Kosmologi Pada Para Fuqaha Dan Ulama Sufiah Dalam Pemikiran Melayu “, dalam Yaacob Haron *Kosmologi Melayu*(ed.), Kuala lumpur : APMUM, 2001, h. 10-22.
- Muhammad Kamal Hasan (2001) *dalam Intellectual Discourse At The End Of The Second Millennium: Concerns Of A Muslim-Malay CEO*, Kuala Lumpur: UIAM, h. 1.
- Muhammad Redzuan Othman (1988), “*The role of Makka-educated Malays in the development of early scholarship and education in Malaya*”, dalam *Jurnal of Islamic Studies*, v. 9:2.
- Muhammad Zaki Badawi, *Latarbelakang Kebudayaan Penduduk-penduduk di Tanah Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1962), h. 37.
- Omar Awang (1980), “The Trengganu Inscription As The Earliest Known Evidence Of The Finalisation Of The Jawi Alphabet “, Dalam *Federation Museums Journal*, v. 25, h. 55.
- Omar Awang (1981), “The Major Arabic Sources Which Determined The Structure Of Islamic Thought In The Malay Archipelago Before The Nineteenth Century A.D. In The Field Of Law, Theology And Sufism “, Dalam *Islamika*, v. 1, h. 80-85.
- R.J. Wilkinson (1971), [1923] A History Of The Peninsular Malays, With Chapters On Perak And Selangor. In *Papers On Malay Subjects*, edited by R. J. Wilkinson, selected and introduced by P. L. Burns, h. 13-151. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 33;-- 1975 [1923]. *A History of the Peninsular Malays, with Chapters on Perak & Selangor*. New York: AMS Press , h. 20.

- Rahimin Affandi Abd Rahim, " Penguasaan Ilmu Pengetahuan " Dalam (Edit) Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Islam Hadhari : Pendekatan Pembangunan Peradaban*, Kuala Lumpur : YADIM, 2007, h. 235-328
- Rahimin Affandi Abd Rahim, " Pembangunan Sains Dan Teknologi Di IPTA Islam Di Malaysia : Satu Analisis Sejarah ", *Jurnal ESTEEM*, v. 5, no 2, 2009.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim (1994), 'Hubungan antara ulama dan pemerintah di dalam sejarah tamadun umat Islam', dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, v. 4.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim (2005), " Citra Islam Dalam Pembentukan Manusia Melayu Moden Di Malaysia : Suatu Analisa ", *Jurnal Pengajian Melayu*, v. 15, h. 19-51.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim (2010), Batu Bersurat di Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam, *Jurnal Fiqh*, APIUM, v. 6.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Md. Noor & Nor Adina Abdul Kadir (2011), 'Pemikiran Pendidikan Islam Dalam Sejarah Tradisi Alam Melayu: Analisis Kritikal' dalam *Prosiding International Conference Of Islamic Civilization And Malay Identity 2011 (ICICMI2011)*, h. 17-30
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Md. Noor & Nor Adina Abdul Kadir (2011), " Pemikiran Pendidikan Islam dalam Sejarah Tradisi Alam Melayu: Analisis Kritikal". Dalam *Prosiding International Conference Of Islamic Civilization and Malay Identity 2011 (ICICMI2011)*, h. 17-30.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2003), " Al-Quran Dan Peranan Ulamak Melayu Dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu ", dalam (edit.) Mohd Radzi Othman, *Warisan Al-Quran Dan Peradaban Manusia Siri 1*, Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 1-31.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2003), "Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh Di Dalam Sastera Undang-Undang Melayu : Satu Analisa' dalam (Edit) Muhammad Mokhtar Hassan *Kesusasteraan Dan Undang-Undang*, Penerbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 158-179.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2004), " Paradigma Tradisionalisme Dan Kesannya Terhadap Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Negeri Kelantan ", dalam *Prosiding Islam : Past, Present And Future-International Seminar On Islamic Thoughts*, anjuran bersama Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, pada 7-9hb. Disember 2004, h. 566-572.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2006) "Ulama Dan Paradigma Menangani Kebudayaan Melayu" dalam (edit) Hashim Awang, Othman Yatim dan Nor Azita Che Din, *Wacana Budaya*, Kuala Lumpur: APMUM, h. 55-80.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2010), Batu Bersurat Di Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam, *Jurnal Fiqh*, APIUM, v. 6.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2011), Tradisi Intelektual Melayu-Islam: Daripada Metafora Kepada Sainifikisme, *Jurnal Melayu: The Muslim World Journal (Edisi Khas)*.
- Robert L. Winzeler (1975), " Traditional Islamic school in Kelantan ", dalam *Jmbras*, 48 :1, h. 92-99.

- Rozita Che Rodi (2014), Konsep Kebenaran Ilmu Dalam Bahasa Melayu Berpaksikan Pandangan Islam yang Sejagat, Dalam *International Journal Of The Malay World And Civilization*, 2(1), h. 3-13.
- S.M. Naquib al-Attas (1969), *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur, h. 29-30.
- S.M. Naquib al-Attas, *The Oldest Known Malay Manuscript : A 16th Century Malay Translation Of The Aqa'id Of Al-Nasafi*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1988, h. 53-54.
- S.M. Naquid al-Attas (1969), *Preliminary statement on a general theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur, h. 20-30.
- S.M Naquib al-Attas (1972), *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 3-4.
- Shafie Abu Bakar (1994), 'Keilmuan Islam Dan Tradisi Pengajian Pondok', dalam *Budi Kencana*, Kuala Lumpur, h. 101-103.
- Shamsuddin Othman (2015), Pemikiran Akal Budi Dan Sosiobudaya Melayu Dalam Pendidikan Kesusteraan Melayu, *International Journal Of Education And Training (InJET)*, v.1(2), h. 1-10.
- Siti Hawa Haji Salleh (1987), "Kesusasteraan Hikayat sebagai suatu genre : suatu perbincangan berdasarkan Hikayat Isma Yatim, dalam *Cendekia Kesusasteraan Melayu tradisional*, Kuala Lumpur, h. 282.
- Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus, *Epistemologi Islam; Teori Ilmu Dalam Al-Quran*, Kuala Lumpur, 1999, h. 2-3; Amin Abdullah (2000), "Kajian Ilmu Kalam Di IAIN : Menyongsong Perguliran Paradigma Keilmuan Keislaman Pada Era Milenium Ketiga", dalam *Al-Jamiah*, no. 65/VI, h. 84-88.
- Syukri Ahmad (2000), "Aplikasi Konsep Ulama Dan Intelektual: Suatu Penilaian Kritis" dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 11, h. 19-28.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, *Peradaban Melayu Dalam Modenisasi dan Globalisasi Budaya* dalam Wacana Budaya (ed) Hashim Awang, Othman Yatim, Nor Azita Che Din, (Kuala Lumpur: Jurnal Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2006, h. 16.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (1990), "Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, bil. 1, h. 51-67.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (1997), *Penjelasan Budaya Ilmu*, Kuala Lumpur, h. 108-109.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), *Pembangunan Di Malaysia: Ke Arah Suatu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*, Kuala Lumpur, h. 12-17.
- Muhammad Abu Bakar (1993), "Pandangan Dunia, Ideologi Dan Kesarjanaan : Islam, Proses Sejarah Dan Rekonstruksi Realiti Sosial" dalam *Tinta Kenangan, Sumbangan Sempena Persaraan Dan Perlantikan Naib Canselor Profesor Datuk Mohd Taib Osman*, 1993, h. 307-309.
- Zainal Kling, "Social Structure: The Practices of Malay Religiosity", dalam *Islamic Civilization in the Malay World* (ed.) Mohd Taib Osman, Kuala

Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & The Research Centre for Islamic History, Art and Culture, 1997, h. 52.

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011), Bahasa Dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu, *Gema Online Journal Of Language Studies*, v. 11(3), h. 31-49.